



SMART Baby Shield Plus¹

Mencapai Kejayaan dengan memberi perlindungan kepada cahaya mata anda



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Mencapai Kejayaan dengan memberi perlindungan kepada cahaya mata anda

Perjalanan seorang bakal ibu adalah bermakna: dipenuhi kegembiraan, kasih sayang dan keterujaan tatkala anda bersedia untuk menyambut kelahiran cahaya mata. Semasa tempoh kehamilan dan penjagaan bayi, perlindungan kehamilan yang lengkap adalah penting agar anda dapat meraikan kegembiraan menjadi seorang bakal ibu.

Pelan ini direka untuk menyokong setiap peringkat kehamilan anda, **Smart Baby Shield Plus** menawarkan penjagaan menyeluruh bagi ibu dan bayi. Apabila dilampirkan pada **SmartProtect Junior**, pelan ini melindungi kos jagaan rapi, komplikasi semasa kehamilan, kanser semasa kehamilan dan perlindungan hayat asas. Sokongan yang kami tawarkan dilanjutkan melangkaui selepas kelahiran bayi: melindungi pelbagai jenis keadaan kongenital, serta penjagaan psikologi lanjutan untuk ibu dan gangguan perkembangan anak.

Dengan **Smart Baby Shield Plus**, kami ingin menjadikan kehamilan anda lebih selesa dan menyenangkan — seterusnya memperkasakan ibu seperti anda semasa melalui perjalanan penting untuk membina sebuah keluarga baharu.



Manfaat sepintas lalu



Tiga jenis pelan yang boleh dipilih



Jaminan lebih hebat semasa kehamilan



Sokongan kemasukan hospital bagi membantu pemulihan



Penjagaan kritikal bagi bayi yang baru lahir



Perlindungan dilanjutkan bagi keadaan kongenital



Penjagaan psikologi bagi anda dan bayi



Perlindungan asas bagi kanser semasa kehamilan



Pendaftaran mudah bagi kehamilan seterusnya

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Tiga jenis pelan yang boleh dipilih

Tatkala anda menyesuaikan keutamaan kewangan untuk menyambut ahli keluarga baharu, kami akan menyokong perjalanan anda menjadi seorang ibu dengan pilihan lebih fleksibel. Anda mempunyai kebebasan untuk memilih antara tiga jenis pelan berbeza bagi memenuhi keperluan anda - Essential, Superior, Grand.



Jaminan lebih hebat semasa kehamilan

Kehamilan merupakan fasa kehidupan yang hebat dan kami ingin memastikan anda melalui perjalanan keseluruhan yang terjaga sepenuhnya berserta perlindungan bagi komplikasi kehamilan. Sebagai perlindungan tambahan, anda juga akan menerima tambahan sebanyak 20% daripada amaun manfaat jika komplikasi berserta Diabetes Melitus Gestasi (GDM).

Sebagai tambahan, anda juga boleh dilindungi dari segi kewangan jika kelahiran awal berlaku, dengan manfaat Pembedahan Caesarean Kecemasan¹ sebanyak RM8,000.

¹Bagi pelan Grand sahaja.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Sokongan kemasukan hospital bagi membantu pemulihan

Dengan Smart Baby Shield Plus, anda tidak perlu risau kerana pelan ini turut melindungi kos kemasukan hospital jika anda dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) atau Unit Rawatan Separa Rapi (HDU) akibat kelahiran anak/komplikasi semasa kehamilan, kami akan menanggung caj tersebut sehingga had yang ditetapkan bagi pelan anda.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Penjagaan kritikal bagi bayi yang baru lahir

Bayi yang baru lahir mungkin memerlukan masa untuk membina keimunan semula jadi selepas kelahiran, disebabkan itu, kami melindungi penjagaan segera yang mungkin diperlukan anak anda semasa tempoh penting ini. Smart Baby Shield Plus akan menanggung kos kemasukan hospital jika anak anda dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU), ICU atau HDU dalam tempoh 30 hari selepas kelahiran, sehingga had yang ditetapkan bagi pelan anda.

Selain itu, sekiranya anak anda memerlukan inkubasi atau rawatan fototerapi bagi jaundis neonatal dalam tempoh 60 hari selepas kelahiran, Smart Baby Shield Plus juga akan menanggung semua kos sehingga had yang sama.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan dilanjutkan bagi keadaan kongenital

Ketika anak anda membesar daripada peringkat bayi ke peringkat awal kanak-kanak, pelan ini akan terus melindungi mereka daripada keadaan kongenital yang mungkin berlaku. Kami akan membantu memberikan mereka - dan anda! - ketenangan minda dengan bayaran balik kos sehingga had yang ditetapkan bagi pelan anda, jika anak anda dimasukkan ke hospital bagi sebarang keadaan kongenital.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Penjagaan psikologi bagi anda dan bayi

Kesejahteraan mental adalah penting seperti juga kesejahteraan fizikal dan kami ingin memberi sokongan dengan menyediakan penjagaan psikologi¹ bagi pelan anda. Smart Baby Shield Plus menyediakan sokongan perundingan psikologi untuk ibu — dengan bayaran balik kewangan sebanyak RM8,000 bagi rawatan Gangguan Kemurungan Utama atau Gangguan Keresahan Am yang telah didiagnosis.

Kami juga akan memberi subsidi kos rawatan sehingga RM8,000 setahun bagi gangguan perkembangan anak¹ yang lazim, seperti Gangguan Spektrum Autisme, Kurang Daya Tumpuan Hiperaktif (ADHD) dan selanjutnya.

¹Bagi pelan Grand sahaja.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan asas bagi kanser semasa kehamilan

Sebagai seorang bakal ibu, anda lebih tahu bahawa tidak salah untuk bersedia menghadapi segala kemungkinan. Sebagai perlindungan tambahan, Smart Baby Shield Plus juga menyediakan suatu bayaran dalam jumlah sekali gus untuk menyokong pemulihan anda jika diagnosis dengan kanser.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.




Pendaftaran mudah bagi kehamilan seterusnya

Merancang untuk kehamilan seterusnya? Kami ingin berkongsi kegembiraan tersebut dan faham bahawa anda mungkin ingin melindungi anak tersayang. Jika anda merupakan pelanggan sedia ada bagi Smart Baby Shield Plus, anda boleh membeli pelan Smart Baby Shield Plus baharu untuk anak anda dengan mudah tanpa memerlukan taja jamin penuh.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Gambaran manfaat

Perjalanan Smart Baby Shield Plus untuk ibu dan anak:



Satu-satunya perlindungan bayi yang anda perlukan


Smart Baby Shield Plus melindungi ibu dan bayi, seawal minggu ke-13 kehamilan.

Polisi mula



Mengutamakan anda semasa kehamilan

Kami ingin memastikan anda menjalani kehamilan yang terbaik dan terjaga sepenuhnya, dengan perlindungan bagi 10 komplikasi semasa kehamilan serta kanser semasa kehamilan.





Melahirkan anak anda ke dunia dengan selamat

Bagi menyokong ketenangan minda anda semasa melahirkan anak, kami melindungi **Pembedahan Caesarean Kecemasan** bagi kelahiran awal, kos kemasukan hospital untuk rawatan rapi dan inkubasi bayi baru lahir.



Penjagaan terperinci sebelum dan selepas kelahiran

Bayi yang baru lahir lebih selamat dan sihat dengan penjagaan menyeluruh sebelum dan selepas kelahiran, berserta perlindungan terhadap **28 keadaan kongenital**, dan Rawatan Fototerapi untuk Jaundis Neonatal.



Melindungi anda walaupun selepas kelahiran anak


Kami melangkaui **perlindungan hayat** dan menjaga kesejahteraan mental anda melalui manfaat rundingan psikologi bagi **Gangguan Kemurungan Utama** dan **Gangguan Keresahan Am**.



Anak anda juga dilindungi sehingga umur 7 tahun hari jadi berikut bagi **gangguan perkembangan**.

Pendaftaran mudah untuk anak anda yang seterusnya

Bagi pelanggan sedia ada Smart Baby Shield Plus, anda boleh menikmati **pendaftaran mudah** untuk anak anda yang seterusnya, tanpa memerlukan taja jamin penuh.



Rumusan jadual perlindungan dan manfaat

Bagi ibu

No.	Manfaat	Amaun manfaat (RM)		
		Essential	Superior	Grand
1	Kematian ibu akibat kelahiran anak/komplikasi semasa kehamilan: (Sehingga 60 hari selepas kelahiran anak)	7,500	15,000	30,000
2	Apabila diagnosis dengan komplikasi semasa kehamilan yang berikut: 1) Abrupsi Plasenta 2) Hati Berlemak Akut semasa Kehamilan 3) Embolisme Cecair Amnion 4) Penggumpalan Intravaskular Selerak (D.I.C.) 5) Eklampsia 6) Plasenta Increta/Percreta 7) Pendarahan Postpartum Memerlukan Histerektomi 8) Embolisme Pulmonari semasa Kehamilan 9) Uterus Pecah 10) Vasa Previa Jika komplikasi kehamilan yang disenaraikan di atas berserta GDM, tambahan 20% daripada manfaat akan dibayar. (Sehingga 60 hari selepas kelahiran anak)	2,500 + tambahan 500 jika berserta GDM	5,000 + tambahan 1,000 jika berserta GDM	10,000 + tambahan 2,000 jika berserta GDM
3	Manfaat kemasukan hospital Apabila ibu dimasukkan ke ICU/HDU akibat kelahiran anak atau komplikasi semasa kehamilan (Sehingga 60 hari selepas kelahiran anak)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa		
		Sehingga 2,500	Sehingga 5,000	Sehingga 10,000
4	Manfaat kanser semasa kehamilan Apabila didagnosis dengan kanser, dengan suatu tempoh menunggu selama 30 hari (Sehingga 60 hari selepas kelahiran anak)	2,500	5,000	8,000
5	Pembedahan Caesarean Kecemasan bagi kelahiran awal (Sebelum 36 minggu kehamilan)	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	8,000
6	Manfaat perundingan psikologi Apabila didiagnosis dengan: 1) Gangguan Kemurungan Utama; atau 2) Gangguan Keresahan Am (Sehingga 1 tahun selepas kelahiran anak)	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	8,000

Bagi anak

No.	Manfaat	Amaun manfaat (RM)		
		Essential	Superior	Grand
1	Kematian anak 1) Kematian fetus; atau 2) Daripada kelahiran sehingga 1 tahun selepas anak dilahirkan	2,500 + jumlah nilai pelaburan (jika ada)	5,000 + jumlah nilai pelaburan (jika ada)	10,000 + jumlah nilai pelaburan (jika ada)
2	Manfaat kemasukan hospital Apabila anak dimasukkan ke NICU/ICU/HDU (Dalam tempoh 30 hari selepas kelahiran)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa sehingga had seumur hidup sebanyak 2,500	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa sehingga had seumur hidup sebanyak 5,000	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa sehingga had seumur hidup sebanyak 10,000
3	Inkubasi bayi baru lahir (Dalam tempoh 60 hari selepas kelahiran)			
4	Rawatan Fototerapi untuk Jaundis Neonatal bagi tahap tertentu (Dalam tempoh 60 hari selepas kelahiran)			
5	Kemasukan hospital akibat keadaan kongenital Pembayaran balik kemasukan hospital akibat keadaan kongenital yang berikut: 1) Ketiadaan Dua Anggota Badan 2) Atresia Anus 3) Kecacatan Septum Atrium 4) Atresia Biliari 5) Palsi Serebrum 6) Bibir Sumbing dan/atau Lelangit Rekah 7) Kaki Tombol 8) Penyempitan Aorta 9) Keabnormalan Kongenital Buah Pinggang dan Salur Kencing (CAKUT) 10) Buta Jenis Kongenital 11) Katarak Jenis Kongenital 12) Pekak Jenis Kongenital 13) Hernia Diafragma Kongenital 14) Pinggul Terkehel Jenis Kongenital 15) Stenosis Pilorik Hipertrofik Jenis Kongenital 16) Pembentukan Displasia Pinggul 17) Sindrom Down 18) Hidrosefalus Bayi 19) Atresia Esofagus 20) Duktus Arteriosus Paten 21) Retinopati Prematang 22) Spina Bifida 23) Tetralogi Fallot 24) Fistula Trakea Esofagus 25) Salur Darah Utama Terbalik 26) Salur Darah Tunggal (Truncus Arteriosus) 27) Kecacatan Septum Ventrikel 28) Semua Keadaan Kongenital Berstruktur (Hanya untuk versi Grand sahaja) (Sehingga umur 7 tahun hari jadi berikut)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa sehingga 15,000 setahun	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa sehingga 30,000 setahun	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa sehingga 60,000 setahun

Bagi anak (Sam'b)

No.	Manfaat	Amaun manfaat (RM)		
		Essential	Superior	Grand
6	Manfaat gangguan perkembangan anak Apabila menerima rawatan akibat sebarang gangguan perkembangan anak yang berikut: 1) Kurang Daya Tumpuan Hiperaktif 2) Gangguan Spektrum Autisme 3) Kelewatan Perkembangan Motor Kasar atau Pertuturan 4) Gangguan Bahasa 5) Gangguan Pembelajaran Tertentu 6) Gangguan Gerakan Stereotipik 7) Sindrom Tourette (Sehingga umur 7 tahun hari jadi berikut)	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa sehingga 8,000 setahun

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J:

Hayat yang diasuranskan	Umur kemasukan	
Ibu	Minimum	19 tahun hari jadi berikut
	Maksimum	45 tahun hari jadi berikut
Anak	Minimum	13 minggu kehamilan
	Maksimum	36 minggu kehamilan

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Berapakah tempoh perlindungan saya bagi rider ini?

J:

Hayat yang diasuranskan	Tempoh perlindungan		
	Essential	Superior	Grand
Ibu	Sehingga 60 hari selepas kelahiran anak		Sehingga 1 tahun selepas kelahiran anak
Anak	Sehingga umur 7 tahun hari jadi berikut		

S: Berapakah premium yang perlu saya bayar?

J: Rider ini merupakan rider dengan penolakan unit, iaitu caj insurans akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda secara tahunan sebanyak 5 kali ansuran. Ansuran pertama akan ditolak pada tarikh permulaan bagi polisi dan ansuran seterusnya akan ditolak secara tahunan bermula dari tarikh caj insurans perlu dibayar secara tahunan berikutnya selepas tarikh permulaan polisi. Namun, anda mungkin perlu membayar premium tambahan bagi memastikan kelangsungan polisi, jika jumlah nilai pelaburan bagi polisi anda tidak mencukupi.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada Smart Baby Shield Plus tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadual caj insurans

Tahun Polisi	Caj insurans mengikut jenis pelan (RM)		
	Essential	Superior	Grand
1	894	1,346	2,526
2	188	190	599
3	188	190	599
4	120	126	599
5	59	61	268
JUMLAH	1,449	1,913	4,591

Caj insurans akan dikenakan berdasarkan jenis pelan anda semasa pembaharuan. Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan caj insurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi anda dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum semakan semula berlaku. Semakan semula tersebut, jika ada, akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan pada semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu mereka.

Pengecualian dan had

Syarikat tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Smart Baby Shield Plus bagi kematian, sakit atau keadaan berikut:

Bagi ibu

- sedia wujud sebelum tarikh risiko berkuat kuasa;
- disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras;
- disebabkan ibu melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang;
- di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan doktor. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
 - 35mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan
 - 80mg alkohol bagi setiap 100ml darah
 - 107mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing; atau
- disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Syarikat berhak meminta ibu menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terlebih dahulu sebelum membenarkan sebarang tuntutan;
- disebabkan ibu memilih untuk tidak meneruskan kehamilan selain daripada sebab perubatan;
- disebabkan sebarang tindakan pelanggaran undang-undang, jenayah atau tindakan yang disengajakan atau kegagalan untuk bertindak; atau
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Bagi anak

- disebabkan penggunaan dadah melainkan atas preskripsi doktor;
- disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Syarikat berhak meminta anak tersebut menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terlebih dahulu sebelum menerima sebarang tuntutan;
- disebabkan sebarang tindakan pelanggaran undang-undang, jenayah atau tindakan yang disengajakan atau kegagalan untuk bertindak;
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak; atau
- disebabkan rawatan percubaan, termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan tidak konvensional, yang masih belum terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan yang disahkan atau belum diluluskan suatu badan diiktiraf di Malaysia.

Nota: Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

Notis penting

Smart Baby Shield Plus merupakan dua rider dengan penolakan unit yang boleh dilampirkan pada SmartProtect Junior.

Pelan asas merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah. Caj insurans yang dikenakan akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda secara tahunan. Anda boleh berhenti membayar premium di bawah polisi dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah nilai pelaburan yang mencukupi untuk membayar caj insurans. Namun, terdapat kemungkinan polisi menjadi luput apabila caj yang dikenakan, termasuk caj rider, melebihi jumlah nilai pelaburan bagi unit dana yang sedia ada. Pembelian terlalu banyak rider dengan penolakan unit mungkin mengurangkan unit dana.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa rider ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika suatu rider dibatalkan dalam tempoh ini, pemilik polisi berhak memperoleh penguatkuasaan semula unit yang ditolak untuk bayaran caj insurans selepas menolak perbelanjaan bersih yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada. Jika anda menukar polisi/rider anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi/rider anda dengan polisi/rider lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki untuk menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi/rider.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma Great Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma Great Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma Great Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma Great Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma Great Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)
Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ **03-4259 8888**

📠 **03-4259 8000**

✉ **wecare-my@greateasternlife.com**

🌐 **www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.